

# Latar Tirai 'Bangsawan Dendam Laksamana': Nafas Baharu Dalam Persembahan Teater Bangsawan

**Muhammad Alhakeem Husain\***

*Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor, Malaysia.  
Email: 2017899104@student.uitm.edu.my*

**Norzizi Zulkafli\***

*Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor, Malaysia.  
Penulis koresponden  
Email: norzizi@uitm.edu.my*

Tarikh Masuk: **01.06.2023**; Tarkih Diterima: **30.06.2023**; Tarikh Diterbitkan: **28.07.2023**

*\*Semua penulis menyumbang dalam kajian ini*

## ABSTRAK

Bangsawan merupakan satu bentuk kesenian yang menggabungkan elemen lakonan, nyanyian, muzik dan tarian. Bangsawan di percayai mula dibawa masuk ke Tanah Melayu sekitar tahun 1870 an dan diadaptasi daripada persembahan Wayang Parsi di India. Bangsawan mengalami zaman kemasyhuran pada tahun 1890an dan mula mengalami zaman kejatuhannya pada awal tahun 1940an. Bangsawan sehingga hari ini masih cuba untuk bersaing dengan persembahan teater moden terutamanya di Kuala Lumpur. 'Bangsawan Dendam Laksamana' telah dipentaskan pada 10-13 November 2017 dan 2-11 November 2018 di Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), arahan Pat Ibrahim terbitan oleh Pat Ibrahim Project Entertainment. Kajian ini melihat transformasi yang di buat dalam konvensi persembahan Bangsawan terutama melihat pembaharuan yang ditampilkan dalam latar tirai dalam teater tradisional ini. Latar tirai merupakan satu bentuk rekaan utama dalam konvensi persembahan teater Bangsawan. Bangsawan menggunakan tujuh jenis latar tirai yang digunapakai bagi setiap adegan dalam persembahannya. Latar tirai merupakan latar belakang gambaran lokasi babak yang dilukis pada kanvas yang berukuran 20 kaki lebar dan 15 kaki tinggi mengikut kesesuaian panggung dan memerlukan kos yang tinggi dan tempoh masa yang panjang dalam menyiapkannya. 'Bangsawan Dendam Laksamana' mengubah penggunaan tirai dari kain yang dilukis tangan kepada latar digital dari paparan skrin LED. Namun begitu, pengekal imej lukisan pada latar tirai tetap dilakukan dan ditambah baik dengan menggunakan lukisan digital pada LED. Ini memberi impak modenisasi di dalam teater Bangsawan. Kajian ini membincangkan sejauh mana pembaharuan yang dibuat mengangkat Bangsawan dalam cuba berdaya saing dengan teater kontemporari hari ini di Malaysia.

**Keywords:** *Bangsawan, Bangsawan Dendam Laksamana, Teater Tradisional, Latar Tirai, Rekaan Set.*

# 'Bangsawan Dendam Laksamana' Backdrop: New Breath in Bangsawan Theater Performance

**Muhammad Alhakeem Husain\***

*College of Creative Arts Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor, Malaysia  
Email: 2017899104@student.uitm.edu.my*

**Norzizi Zulkafli\***

*College of Creative Arts, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor, Malaysia  
Corresponding author  
Email: norzizi@uitm.edu.my*

Received Date: **01.06.2023**; Accepted Date: **30.06.2023**; Available Online: **28.07.2023**

*\* These authors contributed equally to this study*

## ABSTRACT

Bangsawan is an art form that combines elements of acting, singing, music and dance. Bangsawan is believed to have been brought to Malaya around the 1870s and adapted from Persian puppet shows in India. The nobility experienced a period of fame in the 1890s and began to experience its downfall in the early 1940s. Bangsawan to this day is still trying to compete with modern theater performances especially in Kuala Lumpur. 'Bangsawan Dendam Laksamana' was staged on 10-13 November 2017 and 2-11 November 2018 at the Kuala Lumpur City Hall Auditorium (DBKL), directed by Pat Ibrahim and published by Pat Ibrahim Project Entertainment. This study looks at the transformation made in the conventions of Bangsawan performances, especially looking at the innovations featured in the curtain background in this traditional theater. The curtain setting is a major form of design in the conventions of Bangsawan theater performances. Bangsawan uses seven types of curtain backgrounds that are used for each scene in his performance. The curtain background is the background of the scene location painted on a canvas measuring 20 feet wide and 15 feet high according to the suitability of the stage and requires a high cost and a long period of time to prepare it. 'Bangsawan Dendam Laksamana' composed the use of curtains from hand-painted fabric to a digital backdrop from an LED screen display. Nevertheless, the retention of the painting image on the curtain background is still done and improved by using digital painting on the LED. This has a modernizing impact in Bangsawan theater. This study discusses the extent to which reforms are made to elevate Bangsawan in trying to compete with contemporary theater today in Malaysia.

**Keywords:** *Bangsawan, Bangsawan Dendam Laksamana, Traditional Theatre, Backdrop, Set Design.*

## PENGENALAN

Bangsawan merupakan satu bentuk kesenian yang menggabungkan elemen-elemen lakonan, nyanyian, muzik dan tarian dan di percayai mula masuk ke Tanah Melayu sekitar tahun 1870 an di Pulau Pinang (Rahmah Bujang, 1975). Teater Bangsawan adalah sebuah seni drama yang dikatakan mula bertapak di Malaysia sekitar tahun 1870 an selepas kemasukan Wayang Parsi. Teater yang berasal dari India ini wujud ekoran dari terkuburnya sebuah teater bergerak dari India dan pada tahun 1870 an, Pulau Pinang menerima pengaruh sebuah pementasan teater bergerak bernama Wayang Parsi atau Mendu (Rahmah

Bujang, 1989). Dalam tahun 1870 an, sebuah rombongan seni drama dari India telah datang untuk menunjukkan lakonan mereka di Pulau Pinang, rombongan ini dikenali sebagai "Rombongan Wayang Parsi" atau "Mendu" yang terdiri dari pelakon-pelakon lelaki dan perempuan yang berkebolehan menyanyi, berlakon dan menari (Rahmah Bujang, 1975). Teater Bangsawan adalah satu bentuk hiburan yang paling popular pada tahun 1880an. Pelbagai unsur-unsur kesenian wujud di dalam pementasan Bangsawan iaitu seni lakon, seni tarian, seni muzik, seni nyanyian, lawak jenaka dan juga seni visual (Jefri, 2014). Menurut Tan Sooi Beng (1993), Bangsawan merupakan satu bentuk teater baharu yang menerima pengaruh dari barat. Bangsawan yang di adaptasi dari Wayang Parsi ini mempunyai elemen barat seperti penggunaan alat muzik dan jalan ceritanya. Kumpulan pertama Bangsawan profesional adalah kumpulan Mamak Pusi/Mohammad "Pushi Indera Bangsawan of Penang". Zaman kemasyhuran teater Bangsawan ialah pada lewat 1890 an atau lebih tepat bermula pada tahun 1911. Zaman kejatuhan dan kemerosotannya adalah pada awal tahun 1940an iaitu pada zaman penjajahan Jepun ke Tanah Melayu dan mula lenyap pada tahun 1950 an. Selepas zaman kemerosotan teater Bangsawan, masih ada kumpulan-kumpulan kecil yang membuat persembahan sebagai undangan untuk majlis kecil tetapi tidak bertahan lama.

Pada tahun 1990an, dengan kemunculan Panggung Negara dan Istana Budaya, Bangsawan mula diterbitkan oleh dua agensi ini dalam melestarikan kesenian negara. Makanya, Bangsawan mula hidup kembali dalam usaha untuk melestarikan kelangsungan teater tradisional. Bangsawan semakin konsisten dalam persembahannya di bawah badan kerajaan apabila Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berkolaborasi menganjurkan program Semarak Bangsawan. Semarak Bangsawan bermula pada tahun 2007 dan berhenti seketika pada tahun 2019 ekoran pandemik Covid-19. Program ini diadakan bertujuan untuk menghidupkan kembali persembahan teater tradisional di Kuala Lumpur. Program Semarak Bangsawan merupakan satu perkembangan baru dalam persembahan teater Bangsawan dan telah melahirkan banyak kumpulan Bangsawan membuat persembahan saban tahun di bawah peruntukan dari JKKN. Setiap persembahan mereka telah menyelitkan beberapa aspek baru dalam pementasan bagi menarik minat generasi muda untuk mengenali dan lebih menghargai persembahan teater Bangsawan ini. Menurut Marlenny Deenarwan (2021), sejak tahun 2007 sehingga 2019 sejumlah 92 buah produksi telah berjaya di terbitkan yang melibatkan 50 kumpulan-kumpulan berbeza telah mementaskan pementasan Bangsawan. 'Bangsawan Dendam Laksamana' merupakan salah satu persembahan teater Bangsawan yang berada di bawah program Semarak Bangsawan dan dipentaskan pada 10-13 November 2017 di Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Teater ini kemudiannya di pentaskan semula pada 2-11 November 2018 juga di DBKL. Di arahkan oleh Pat Ibrahim dan diterbitkan oleh *Pat Ibrahim Project Entertainment*. 'Bangsawan Dendam Laksamana' telah di tulis oleh Siti Jasmina Ibrahim dan dilakonkan antaranya oleh Pekin Ibrahim, Nadia Aqilah, Hairi Safwan, Aidilla Shaffi, Megat Shahrizal dan Anwar Rushdini. Produksi ini turut tercalon dalam 15<sup>th</sup> BOH Cameronian Arts Award pada tahun 2017. Menurut Sasterawan Negara Anwar Ridhwan (2020, p.33), 'Bangsawan Dendam Laksamana' telah berhasil mengapungkan semula genre teater Bangsawan ke permukaan kehidupan budaya moden'. Kajian ini akan membincangkan pembaharuan yang dilakukan dalam teater bangsawan ini.

## **BANGSAWAN DAN TRANSFORMASI**

Teater Bangsawan telah melalui beberapa fasa perubahan selepas meniti zaman kegemilangannya. Menurut Nur Afifah (2017), sejak 1980 an terdapat beberapa perubahan pada ciri tradisional dan moden yang telah diterapkan dalam Bangsawan. Antara perubahannya adalah dengan tiada lagi acara ritual Buka dan Tutup Panggungnya, pementasan cerita yang bersambung-sambung hingga beberapa malam bagi satu persembahannya, lakonan berbentuk improvisasi tanpa skrip dan modifikasi terhadap *extra-turn*. *Extra turn* adalah acara selingan dari satu babak ke satu babak dalam Bangsawan. Selain pengurangan yang dibuat dalam konvensi Bangsawan, beberapa penambahan juga sentiasa dilakukan pada teater ini, antaranya adalah telah mula wujudnya skrip persembahan, kewujudan peranan pengarah dan penggunaan pancaran multimedia sebagai pengganti latar hias. Perubahan ini mengikut zaman, lokasi dan kecanggihan

panggung pementasan. Pada hari ini, teater Bangsawan telah melalui pelbagai transformasi antaranya adalah dari segi penggunaan alat muzik, persembahan *extra-turn* malah pemilihan pelakon pada hari ini juga sudah dari kalangan artis. Menurut Rahmah Bujang (2016), Bangsawan mula menggunakan alat-alat muzik moden seperti piano, biola dan lain-lain. Penggunaan alat muzik ini adalah untuk mendapatkan bunyian yang enak didengar dan menjadikan latar muzik ketika pementasan lebih menarik minat penonton untuk menonton. Kemajuan Bangsawan Melayu pada peringkat ini juga bertambah dengan membariskan pelakon-pelakon yang sudah dianggap sebagai golongan artis yang di sanjung, bukan sahaja dari kalangan rakyat jelata malah golongan bangsawan dan raja (Rahmah Bujang, 2016).

Selain dari aspek muzik, pelakon, set dan teknologi, teater Bangsawan juga mendapat perubahan dari aspek penceritaan. Penceritaan yang mula menggunakan adaptasi cerita-cerita barat dan persembahan selingan *extra-turn* juga banyak menggunakan persembahan moden. *Extra turn* mempunyai perkembangannya yang tersendiri di dalam Teater Bangsawan. Ini kerana ianya menepati cita rasa yang dimahukan oleh penonton iaitu kebaharuan, kekinian, kekaguman, popular dan mengutamakan citarasa penonton (Shaikh Razak & Jamiht, 2015). Aspek kekaguman seperti kostum dan tatarias turut melalui perkembangan tersebut. Teater Bangsawan *hybrid* ini menarik perhatian penonton apabila pelakonnya, memakai pakaian Bangsawan Inggeris menggunakan bahasa Melayu dalam persembahannya (Armin Azhari, 2018). Jika melihat perkembangan pementasan drama di Tanah Melayu, teater Bangsawan adalah seni drama Melayu yang telah menerapkan teknik pementasan Barat seperti yang dinyatakan oleh Rahmah Bujang (1975). Bangsawan adalah teater yang mula menggunakan teknik pementasan drama-drama Inggeris dari Barat.

Menurut Zaeny (2005), bangsawan telah melalui banyak transformasi dalam persembahannya. Transformasi berasal dari perkataan Bahasa Inggeris *transform* yang bermaksud mengendalikan suatu bentuk dari satu bentuk ke bentuk yang lain. Tambahan lagi, 'transformasi sosial budaya membicarakan tentang proses perubahan struktur, sistem sosial, dan budaya' (Zaeny, 2005, p.155). Transformasi boleh berlaku dalam pelbagai keadaan dan teknologi juga menjadi perkara yang berkaitan dengan perubahan atau transformasi. Perubahan dalam sesuatu budaya itu boleh berlaku dan begitu juga dalam seni. Perubahan yang baik akan diterima dengan baik dan akan dijadikan panduan dalam perubahan yang akan datang. Transformasi akan memberikan sifat dua hala di mana yang melalui proses perubahan tersebut akan melihat perubahan dari sudut prosesnya dan yang menonton perubahan tersebut akan melihat perubahan dari sudut pemaknaan. Transformasi memerlukan satu proses dalam perubahannya, dan boleh di konklusikan sebagai sebuah perubahan komposisi atau bentuk penampilannya dari sebuah keadaan. Transformasi boleh wujud dalam pelbagai bentuk dan perkara.

Selain itu, teater Bangsawan mempunyai keunikannya yang tersendiri dimana mempunyai set latar tirai. Set latar tirai atau *backdrop* adalah antara set utama dalam setiap persembahan teater Bangsawan, jika dilihat sejarah perkembangan Bangsawan di Malaysia setiap kumpulan teater Bangsawan wajib mempunyai sekurangnya 6 atau 7 set tirai asas yang mempunyai pemandangan sesuatu kawasan. Penggunaan tirai bagi sesebuah babak mesti diikuti dengan sepasang sebeng. Set tirai ini biasanya mempunyai kelebaran 18 hingga 20 kaki dan mempunyai ketinggian 7 hingga 8 kaki secara asasnya. Ukuran saiz mengikut ukuran panggung atau ruang persembahan. Set tirai yang menjadi asas pentas bangsawan mengikut adegan cerita ada enam pemandangan (Rahmah Bujang, 1975, p. 81):

- a) Tirai yang menunjukkan pemandangan di dalam istana.
- b) Tirai yang menunjukkan pemandangan di jalan raya.
- c) Tirai yang menunjukkan pemandangan di hutan.
- d) Tirai yang menunjukkan pemandangan di sebuah taman.
- e) Tirai yang menunjukkan pemandangan di dalam bilik seorang miskin.
- f) Tirai yang menunjukkan pemandangan sesuatu kawasan di darat, biasanya kawasan sawah padi.

Sesebuah pementasan teater Bangsawan seharusnya mempunyai tirai-tirai asas yang dinyatakan di atas dan pada masa kini penggunaan teknologi mula menggantikan set tirai latar ini. Penggunaan projektor dan LED telah menjadi pilihan untuk menggantikan kaedah lukisan pada kanvas sebagai latar

tirai. Teknologi pada masa kini dilihat memudahkan kerja, mengurangkan kos pembinaan dan penghasilan latar tirai pada kanvas. Latar tirai pada kanvas perlu dilukis dan diwarnakan supaya mempunyai tarikan kepada latar babak yang ingin disampaikan. Maka penghasilan dan penyediaannya memerlukan penelitian dan masa yang agak lama berbeza dengan penggunaan teknologi yang hanya perlu dimasukkan lukisan atau lukisan digital ke dalam teknologi dan dipancarkan. Penggunaan sebeng dan unsur kekaguman yang ada pada set-set tirai Bangsawan memberikan kelebihan kepada pelakon-pelakon (Rahmah Bujang, 1989; Nur Afifah, 2009). Unsur-unsur kekaguman ini menjadi alat kemudahan kepada pelakon-pelakon untuk menutup kesilapan yang berlaku di atas pentas.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan mengambil data-data daripada buku, jurnal, laporan media, penontonan video dan juga temubual semi-struktur. Kaedah kualitatif dipilih kerana kajian ini melihat kepada bentuk transformasi yang berlaku kepada pementasan teater 'Bangsawan Dendam Laksamana'. Kajian ini adalah juga turut membandingkan perbezaan antara konvensi Bangsawan sedia ada dengan 'Bangsawan Dendam Laksamana'. Penelitian terhadap rekaan pentas 'Bangsawan Dendam Laksamana' termasuk penataan cahaya. Melalui penelitian ini, kajian akan menilai bagaimana bentuk perubahan yang berlaku dan dinyatakan dalam bentuk penulisan. Video-video dokumentari Bangsawan yang telah dihasilkan oleh Tan Sooi Beng turut dijadikan sebagai bahan rujukan untuk menyokong kepada kajian yang dijalankan.

## DAPATAN KAJIAN

Kajian ini telah mengenalpasti aspek latar tirai yang telah diaplikasikan dalam 'Bangsawan Dendam Laksamana'. Produksi ini telah mengekalkan imej lukisan pada latar tirai tetapi menggunakan lukisan digital dengan penggunaan LED dalam menerapkan estetika dalam persembahan Bangsawan. Kaedah ini telah diterapkan dalam persembahan teater 'Bangsawan Dendam Laksamana' yang mana nafas baharu telah disuntik dengan penggunaan corak persembahan yang lebih berwarna-warni dengan suntikan elemen muzikal dan ditambah dengan penggunaan teknologi pancaran LED menggantikan latar tirai konvensional yang menggunakan lukisan pada kanvas.

Bangsawan konvensional menggunakan latar tirai yang dilukis pada kanvas dan disusun kedudukannya mengikut susunan babak menggunakan *flying bar*. Susun atur tersebut bergantung kepada fasiliti dan kemudahan yang sedia ada pada panggung pementasan. Jika jumlah *flying bar* yang ada pada panggung pementasan tidak mencukupi untuk susun atur latar tirai, maka perubahan latar tirai akan berlaku di belakang tirai *extra-turn* ketika persembahan *extra-turn* berlangsung. Permasalahan ini tidak berlaku dalam pementasan 'Bangsawan Dendam Laksamana' kerana latar tirai yang digunakan adalah pancaran menggunakan LED. Lukisan digital setiap babak yang menjadi latar babak kepada persembahan di pancarkan menggunakan LED. Transformasi lukisan pada kanvas kepada lukisan yang dipancarkan menggunakan LED memberikan satu kaedah baharu dalam menyampaikan latar tempat dalam persembahan teater Bangsawan dan mempunyai suntikan modenisasi dalam persembahan. Selain itu, sebeng di dalam Bangsawan konvensional merupakan lukisan pada kanvas yang digantung di kanan dan kiri pentas untuk menimbulkan pandangan perspektif kepada penonton. Lukisan pada sebeng selalunya mempunyai motif dan imej yang boleh di jalinkan bersama dengan latar tirai utama. Teater 'Bangsawan Dendam Laksamana' masih mengekalkan motif dan imej tetapi dalam bentuk lukisan digital yang di cetak di atas kanvas terpal atau material yang lebih ringan, murah dan mudah dikendalikan. Penggunaan sebeng yang telah digunakan dalam pementasan 'Bangsawan Dendam Laksamana' turut dijadikan sebagai latar belakang dalaman rumah Megat Seri Rama dan Wan Anum. Kaedah ini telah memperlihatkan penggunaan ruang pentas yang menyeluruh dan sebeng tidak hanya menjadi bahan untuk mencipta perspektif sebaliknya mampu menjadi sebahagian dari set di dalam babak.

Jika dilihat dalam rekaan persembahan Bangsawan konvensional, set dan prop yang berbentuk realistik digunapakai untuk menjadi sebahagian dari keseluruhan visual setiap babak. Penggunaannya mengikut babak dan mengikut latar tirai yang ada. Babak di dalam istana menggunakan props, kerusi istana, kerusi para pembesar dan kipas-kipas yang dipegang oleh dayang-dayang. Props berbentuk tiga dimensi itu hanya digunakan untuk babak tersebut atau babak berkaitan sahaja. Berbeza dengan 'Bangsawan Dendam Laksamana' yang masih menggunakan teknik dan kaedah yang sama tetapi ditambah dengan fungsi *multipurpose* yang mana kerusi istana atau set balairong adalah set di bahagian hadapan dan jika di pusing set tersebut merupakan set yang digunakan dalam rumah Seri Bija Wangsa. Penggunaan set sebegini banyak digunakan dalam persembahan teater moden kerana menjimatkan masa dan boleh digunakan semula. Perubahan ini dapat memberikan pereka set dan pengarah lebih berimajinasi dan memikirkan sesuatu yang lebih berguna dan memberikan impak.

Secara teknikalnya setiap persembahan teater akan mempunyai pencahayaan dan pencahayaan ini membantu dalam memberikan cahaya kepada wajah pelakon dan menyinari setiap set yang ada pada setiap babak persembahan. Bangsawan konvensional menggunakan teknik pencahayaan dari lampu yang bertujuan untuk menerangi wajah pelakon dan memberikan cahaya untuk penonton menonton penceritaan. Aspek teknikal seperti tatacahaya dan tatabunyi adalah aspek yang menjadi alat bantu kepada para pelakon pada ketika itu. Kajian melihat perubahan yang diterapkan dalam persembahan 'Bangsawan Dendam Laksamana' adalah aspek teknikal juga menjadi satu daya penarik dalam cerita ini. Teknologi pencahayaan biasan dari pancaran LED di jalinkan bersama dengan pencahayaan dari lampu-lampu mampu melahirkan satu visual yang mempunyai impak. Ini terbukti dalam satu babak peperangan yang mana biasan cahaya dari LED telah dijadikan cahaya utama di samping penambahan cahaya dari lampu yang ada untuk melahirkan satu visual *silhouette*. Teknik ini memberikan satu bentuk yang mampu melahirkan rasa teruja kepada penonton. Kajian ini dapat mendapati penggunaan elemen teknologi dalam 'Bangsawan Dendam Laksamana' memberi transformasi terhadap persembahan Bangsawan di samping tidak merosakkan struktur persembahan sebaliknya memberikan pendekatan baharu kepada penonton dalam menilai atau menonton sebuah pementasan tradisi atau pementasan tradisional dalam era kini.

## KESIMPULAN

'Bangsawan Dendam Laksamana' telah mengguna pakai kecanggihan teknologi yang ada pada masa kini dan diserapkan masuk dalam persembahan Bangsawan. Teknologi yang ditampilkan memperlihatkan elemen modernisasi cuba diterapkan dalam pementasan teater tradisional ini. 'Bangsawan Dendam Laksamana' menggunakan pancaran LED sebagai elemen utama dalam rekaan set pentas. Ini di ikuti dengan sebahagian rekaan set yang di bina, dan diletakkan di hadapan skrin LED yang hanya membantu melengkapkan *mise en scene* di atas pentas. Dengan penggunaan skrin LED ini, telah menjadikan penggunaan set sebagai elemen kedua terpenting dalam produksi ini. Pembaharuan ini, turut di lakukan pengekal dalam elemen yang sedia ada. Bangsawan secara konvensi, menggunakan latar tirai yang di lukis tangan bagi memaparkan setiap babak. Meskipun produksi ini menggunakan skrin LED, namun elemen lukisan tangan pada kanvas di latar tirai setiap babak, telah ditukar ke lukisan digital. Oleh kerana itu, pancaran latar tirai persembahan ini menjadi elemen artistik utama dalam persembahan 'Bangsawan Dendam Laksamana'. Mengekalkan visual lukisan dari tangan ke lukisan digital, di mana kaedah ini lebih menjimatkan masa dan tenaga ahli produksi untuk menghasilkan latar tirai.

Kajian ini merumuskan bahawa transformasi yang berlaku dalam rekaan pentas 'Bangsawan Dendam Laksamana' bukanlah suatu perubahan yang negatif, ianya masih mengekalkan estetika dan ciri utama dalam persembahan Bangsawan. Perubahan teknologi yang semakin maju dan seiring dengan itu perubahan dan pengaplikasian teknologi itu perlu di dalam persembahan teater Bangsawan. Transformasi yang berlaku dalam persembahan Bangsawan pada hari ini tidak mematikan bentuk persembahan tersebut sebaliknya memberikan satu nafas baharu dalam bentuk persembahannya. Segala perubahan teknologi seiring dengan masa, perlu di adun ke dalam persembahan teater tradisional. Latar Tirai 'Bangsawan

Dendam Laksamana' telah memberikan nafas baharu dalam persembahan teater Bangsawan. Pendekatan yang moden seperti ini mampu menarik minat generasi baharu untuk mengenali teater tradisional. Impak modenisasi ini boleh menjadikan Bangsawan mampu berdaya saing sebagai sebuah teater tradisional dengan persembahan teater kontemporari masa kini.

## RUJUKAN

- Anwar Ridhwan (2020). Pengalaman Baharu Menonton Teater Bangsawan. *Malajah Pentas Jil 14 Bil 1 Jan-Dis 2020*, 31-33.
- Armin Azhari Saleh. (14 Mei 2018). Seni dan Budaya memerlukan transformasi. *Harian Metro*.
- Jeffri Haron. (2014). Estetika Set Tirai Latar Babak Teater Bangsawan Koleksi Rahman B. Tesis Sarjana. Tanjong Malim: Universiti Perguruan Sultan Idris.
- )  
Marlenny Deenerwan & Haneem Said. (2021), *Peranan Kuala Lumpur sebagai Bandar Kreatif dalam Pembentukan Penggiat dan Penonton Kesenian Bangsawan*. Malaysia Journal of Society and Space. Published 29 Mei 2021.
- Nur Afifah Vanitha Abdullah. 2009. Perkembangan dan Perubahan Persembahan Bangsawan di Sarawak 1914-2004. Tesis Doktor Falsafah. Minden: Universiti Sains Malaysia.
- Nur Afifah Vanitha Abdullah. (2017). Sorotan literatur bangsawan di Malaysia 1960-2017. *Jurnal Melayu*, 16 (2). pp. 179-190. ISSN 1675-7513
- Rahmah Bujang. (1975). *Sejarah Perkembangan Drama Bangsawan di Tanah Melayu dan Singapura*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahmah Bujang. (1989). Seni persembahan bangsawan. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahmah Bujang. (2006). *Perkembangan Drama Bangsawan Edisi kedua*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shaikh Razak & Jamiat Al Sheikhiah (2015). *Extra-Turn Dalam Teater Bangsawan Di Semenanjung Tanah Melayu Di Antara Tahun 1900 Hingga Lewat Tahun 1930*. Master thesis, Universiti Sains Malaysia.
- Tan Sooi Beng. (1993). *Bangsawan: A Social and Stylist History of Popular Malay Opera*. Singapore, Oxford University Press.
- Tan Sooi Beng. (2011). *Bangsawan Malaysia Staging Cultural Diversity & Change: Nusantara Performing Arts*.
- Zaeny, A. (2005). Transformasi Sosial dan Gerakan Islam di Indonesia. *Jurnal Pengembangan Masyarakat Islam* 2, 153-165.